



MAJLIS PENYERAHAN WATIKAH DAN PELANTIKAN Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2008 & 2009

Oleh ; Fazlina Md. Fadzil

Pemimpin silih berganti, kini muncul barisan kepimpinan mahasiswa yang baru bagi menerajui tampuk kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Sesi 2008&2009. Setelah menang tanpa bertanding pada 13 Oktober 2008, kini seramai 28 orang mahasiswa yang mendapat kepercayaan dan mandat seluruh mahasiswa UniMAP telah terpilih bagi memegang jawatan sebagai exco MPP yang baru.

Sempena kejayaan mereka, satu majlis penyerahan watiakah pelantikan telah diadakan pada 24 Oktober 2008 bertempat di Bukit Merah Lake Town Resort, Perak. Majlis ini telah disempurnakan oleh Naib Canselor UniMAP dan turut dihadiri oleh dekan-dekan dan ketua jabatan UniMAP.

Dalam ucapan Naib Canselor semasa majlis tersebut, beliau menegaskan sebagai exco MPP, tanggungjawab amat berat dalam memastikan isu-isu dan perkara yang berhubung dengan kebajikan mahasiswa dan hal ehwal semasa disalurkan secara berkesan kepada pihak pengurusan universiti. Semua exco MPP perlu sedar bahawa tanggungjawab ini adalah satu amanah dan harus dipikul dan dijinjing bersama-sama oleh exco MPP. Sudah pasti sebagai exco MPP akan dituntut dan sedia serta sanggup berkorban masa, tenaga dan pengetahuan untuk memartabatkan mahasiswa Universiti Malaysia Perlis agar mempunyai tahap intelektual yang tinggi serta berdaya saing dan unggul dalam pelbagai bidang.

Barisan Majlis Perwakilan Pelajar sesi 2007&2008 yang dipimpin oleh Saudara Mohd Alwie Bin Mohd Syaiful Yapp, Mantan YDP serta exco turut diberi penghormatan dan penghargaan dalam majlis tersebut. Semua Mantan MPP sesi 2007& 2008 telah menunjukkan satu komitmen tugas dan tanggungjawab yang amat tinggi sepanjang kepimpinan mereka. Majlis pada malam tersebut turut menyaksikan Upacara Menandatangani Surat Aku Janji, Upacara Angkat Sumpah dan Upacara Penyerahan Fail Tugas dari YDP MPP sesi 2007&2008 kepada YDP MPP sesi 2008& 2009. Diharapkan barisan kepimpinan MPP sesi 2008&2009 dapat membawa satu gelombang perubahan intelektual dan nilai serta sikap mahasiswa UniMAP ke tahap yang lebih baik dan memiliki minda kelas pertama.